

PM letak wanita setaraf

Hadiah amat bernilai bagi kami

UM 31/10/2003 - 58 PRECISE



ASHIDAH MININ



AZLINDA BARONI



HAZIZAH MOHD. SULTAN

Oleh ROSMAH DAIN

JASAMU dikenang. Sepanjang tempoh lebih 22 tahun memimpin negara, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memberi banyak peluang kepada golongan wanita mencipta nama dalam bidang masing-masing.

Umpama sinar menerangi kegelapan, setiap usaha kerajaan di bawah kepimpinan Dr. Mahathir telah menaik taraf status golongan wanita di negara ini.

Usaha-usaha itu mencerminkan kesungguhan kerajaan di dalam meletakkan pembinaan masyarakat cemerlang melalui pengukuhan keluarga sebagai agenda utama negara.

Memartabatkan kaum wanita dengan terbinanya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga serta mengumumkan dan mengiktiraf golongan wanita dan

tidak meletakkan golongan ini di kelas dua ialah 'hadiah' yang cukup bernilai bagi golongan Hawa.

Dr. Mahathir, amat mengiktiraf kemampuan wanita dan keyakinan itu adalah bersandarkan kepada garis panduan Islam dalam membangunkan umat, golongan wanita perlu dibangunkan terlebih dahulu kerana di bahu golongan ini terletak tanggungjawab untuk 'membangunkan' anak-anak yang bakal mencorakkan dunia.

Bagi pemimpin-pemimpin badan-badan bukan kerajaan (NGO) wanita, kepimpinan Perdana Menteri yang pragmatik, berwawasan, bercita-cita besar, berani dan berkeyakinan tinggi meletakkan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang dihormati, disegani dan dikasihi.

Yang Dipertua Peniaga-wati Malaysia, **Puan Sri Ashidah Minin** berkata, wanita di negara ini bebas membina kerjaya masing-masing dan mencipta nama.

Katanya, semua ini dicapai bukan hanya bergantung kepada kebolehan dan kerana kemampuan wanita, tetapi adalah kerana kepercayaan dan ruang serta peluang yang dibuka secara meluas oleh pucuk pimpinan.

"Jika dahulu golongan wanita hanya diberi kepercayaan menerajui Kementerian Kebajikan, tetapi hari ini kita melihat antara kementerian yang terpenting diterajui oleh kaum wanita ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Sebagaimana sedia maklum, kementerian ini diketuai oleh Datuk Seri Rafidah Aziz sejak tahun 1987 hingga sekarang," katanya.

Dalam bidang usahawan dan perniagaan pula, katanya, penglibatan serta penyertaan golongan wanita bukan sahaja bertambah malah menyeluruh.

Golongan ini telah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang perniagaan, pembuatan dan pembinaan.

Beliau menambah, dalam bidang perniagaan, wanita diberi pelbagai

peluang untuk memajukan diri dan keluarga dengan mengadakan pelbagai kemudahan seperti Skim Mikro Kredit dan terakhir di dalam bajet 2004, beliau memperkenalkan Skim Mikro Kredit Desa.

Dr. Mahathir, katanya, tidak meletakkan jantina sebagai asas dalam apa jua perkara.

Penglibatan

"Saya percaya beliau berpegang teguh kepada ajaran Islam iaitu hanya ada tiga perkara yang tidak boleh dilakukan wanita iaitu pertama sebagai khalifah, kedua imam dan ketiga wali," katanya.

Sementara itu Presiden Yayasan Azam Wanita (Yaznita), **Azlinda Baroni** berkata, perkembangan ekonomi dan penglibatan wanita di dalam bidang keusahawanan sentiasa konsisten setiap tahun, malah terdapat peningkatan.

Menurutnya, penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang diterajui oleh Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, merupakan satu puncak tertinggi mengiktiraf golongan wanita di dalam pembangunan sosial dan ekonomi untuk jangka panjang.

"Dr. Mahathir juga memandang serius isu-isu berkenaan kekeluargaan Islam dan wanita seperti poligami, penderaan seksual, cerai SMS dan sebagainya.

"Selain itu nasib ibu tunggal, keluarga miskin dan sebagainya turut diberikan perhatian yang saksama," katanya.

Azlinda berkata, golongan wanita di negara ini sepatutnya berasa bertuah kerana ramai di kalangan mereka berpeluang menjadi pemimpin bukan sahaja untuk persatuan dan agensi di dalam negara malah di luar negara juga.

Beliau menegaskan, hasil pencapaian golongan wanita di negara yang diiktiraf sebagai negara Islam ini adalah amat menonjol berbanding negara-negara lain.

Di sesetengah negara luar, katanya, golongan wanita disekat kemajuan, dinafikan hak dan peluang mereka.

Dalam pada itu Pengerusi Usahawan Wanita Negeri Melaka, **Datuk Hazizah Mohd. Sultan** berkata, selain daripada memperkasakan wanita dari segi perkembangan mental dan spiritual keusahawanan serta penglibatan besar di dalam negara, keperibadian Dr. Mahathir yang terpuji perlu dicontohi.

Beliau berkata, Dr. Mahathir merupakan contoh terbaik dari segi hubungan kekeluargaan dan suami isteri yang berkekalan.

"Sepanjang kepimpinan beliau, tidak terdapat sebarang gosip yang mengeruhkan kehidupan beliau.

"Sikap *loving couple* yang ditunjukkan kepada Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memberikan gambaran isteri adalah pendorong kepada setiap kejayaan suami," katanya.

Katanya, sikap itu jelas menunjukkan tanda kasih Perdana Menteri kepada seorang isteri dan rasa hormat beliau kepada seorang wanita.